# KONSEP *YAWM AL-MA’ĀD* DAN *SUNAN AL-SITTAH*

## 1.0 Pendahuluan

Kalimah *‘Yawm al-ma’ād’* bererti hari kembali. Dalam bahasa yang lebih mudah difahami, *yawm al-ma’ād* adalah hari akhirat yang merupakan destinasi terakhir yang akan dilalui oleh manusia.

Asas kewujudan *yawm al-ma’ād* telah dinyatakan oleh Allah S.W.T di dalam banyak ayat. Di antaranya di dalam surah al-Baqarah ayat ke 28 dan ayat ke 115 dari surah al-Mu’minūn. Firman Allah S.W.T:

كَيْفَ تَكْفُرُونَ بِاللَّهِ وَكُنتُمْ أَمْوَاتاً فَأَحْيَاكُمْ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يُحْيِيكُمْ ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ (28)

> Maksudnya: *”Bagaimana kamu tergamak kufur (mengingkari) Allah padahal kamu dahulunya mati (belum lahir), kemudian Ia menghidupkan kamu; setelah itu Ia mematikan kamu, kemudian Ia menghidupkan kamu pula (pada hari akhirat); akhirnya kamu dikembalikan kepada-Nya (untuk diberi balasan bagi segala yang kamu kerjakan).”* [al-Baqarah:28]

Ibn Jarīr al-Ṭabarī mentafsirkan ayat ini dengan menukilkan kata-kata Ibn Mas’ūd yang meriwayatkan daripada salah seorang daripada sahabat Nabi. Katanya, *”Kamu dahulu tidak wujud, kemudian Allah menciptakan kamu, kemudian mematikan kamu dan kemudian menghidpkan kamu semula pada hari kiamat.”* Menurut Ibn Jarīr juga, ayat ini telah ditafsirkan oleh ayat 11 surah al-Ghāfir yang bermaksud, *“Wahai Tuhan kami!*

*Engkau telah menjadikan kami berkeadaan mati dua kali, dan telah menjadikan kami bersifat hidup dua kali"*[6]

Menurut Ibn Kathīr pula, ayat ini bermaksud, *"Mana mungkin kamu mengingkari kewujudan Allah, atau menyembah sesuatu yang lain di samping beribadat kepadanya, padahal kamu dahulu tiada di atas muka bumi ini, kemudian Dialah yang menjadikan kamu.*[7] Ayat ini bertepatan dengan firman Allah yang bermaksud, *"(Mengapa mereka tidak beriman?) Adakah mereka telah tercipta dengan tiada yang menciptanya, atau adakah mereka yang mencipta diri mereka sendiri? Adakah mereka yang mencipta langit dan bumi itu? (Sudah tentu tidak!) Bahkan mereka adalah orang-orang yang tidak meyakini (kebenaran apa yang mereka pernah mengakuinya)."*[8]

Menurut Ibn Kathīr lagi, petikan ayat ( وَكُنتُمْ أَمْوَاتاً فَأَحْيَاكُمْ ) bermaksud, *"kamu dahulu telah mati di dalam sulbi bapa-bapa kamu, kamu bukanlah apa-apa, sehinggalah kamu diciptakan, kemudian kamu dimatikan dengan kematian yang sebenar-benarnya, kemudian kamu akan dihidupkan semula saat kamu dibangkitkan kelak."*[9]

Imam al-Baghawī pula mentafsirkan ayat ini dengan mengatakan, *"Bagaimana mungkin kamu boleh mengingkari Allah selepas Dia mendatangkan dalil dan bukti yang nyata? Kemudian dinyatakan dalil tersebut yang bermaksud, "Dan kamu dahulu telah mati, iaitu mati di dalam sulbi bapa-bapa kamu. Kemudian, kamu dihidupkan di dalam rahim dan di atas dunia. Kemudian, kamu dimatikan setelah sampainya ajal kamu. Kemudian, kamu dihidupkan semula untuk dibangkitkan pada hari kebangkitan.*

---

[6] Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Jāmi' al-Bayān Fī Ta'wīl al-Qurān*, ed. Aḥmad Muḥammad Syākir, (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2000), 1: 418.
[7] Ismā'īl bin Umar Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qurān al-'Aẓīm*, ed. Sāmi bin Muḥammad Salāmah, (t.tp., Dār Ṭayyibah Li al-Nasyr Wa al-Tawzī', 1999), 1: 212.
[8] Al-Ṭūr, ayat 35-36.
[9] Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qurān al-'Aẓīm*, 1: 212.

*Kemudian, kamu akan dikembalikan kepangkuan-Nya, iaitu dikembalikan pada hari akhirat untuk dihitung amalan-amalan kamu."*[10]

Firman Allah S.W.T lagi:

أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبَثًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا تُرْجَعُونَ (115)

> Maksudnya : *"Maka adakah patut kamu menyangka bahawa Kami hanya menciptakan kamu (dari tiada kepada ada) sahaja dengan tiada sebarang hikmat pada ciptaan itu? Dan kamu (menyangka pula) tidak akan dikembalikan kepada Kami?"* [al-Mu'minūn: 115]

Ibn Jarīr al-Ṭabarī mentafsirkan ayat ini dengan mengatakan, "Apakah kamu mengira wahai orang yang merugi, bahawa kamu diciptakan sebagai perkara olok-olok dan batil? Padahal selepas mati, kamu semua akan pulang ke pangkuan tuhan kamu. Kamu tidak lagi hidup, maka pada waktu itu akan diperhitungkan segala amalan yang telah kamu lakukan di dunia."[11]

Ibn Kathīr menceritakan sebuah kisah yang berlaku kepada sahabat nabi berkaitan ayat ini. Katanya, "Seorang lelaki yang ditimpa musibah telah datang menemui Abdullāh bin Mas'ūd, lalu dia membisikkan ke telinga lelaki itu, ( أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبَثًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا تُرْجَعُونَ * فَتَعَالَى اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ ) sehingga tamat surah tersebut. Dengan izin Allah, lelaki itu sembuh. Lalu, peristiwa itu sampai ke pendengaran Rasulullah. Maka, Baginda bertanya, "Ayat apakah yang kamu bisikkan ke telinganya?" Lalu, dia memberitahu ayat tersebut. Kemudian, Rasulullah bersabda, "Demi jiwaku yang berada di dalam

---

[10] Al-Ḥusain bin Mas'ūd al-Baghawī, *Ma'ālim al-Tanzīl Fī Tafsīr al-Qur'ān*, ed. 'Abd al-Razzāq al-Mahdī, (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1420), 1: 100-101.
[11] Al-Ṭabarī, *Jāmi' al-Bayān Fī Ta'wīl al-Qurān*, 19: 83.

genggaman-Nya, sekiranya lelaki tersebut yakin dan membacakan ayat tersebut di atas sebuah bukit, nescaya binasalah bukit tersebut."[12]

Al-Baghawī pula mentafsirkan perkataan ( عَبَثاً ) sebagai perkara olok-olok dan batil serta tiada sebarang hikmah. Justeru, apakah manusia menyangka mereka diciptakan untuk sebuah permainan yang sia-sia seperti penciptaan binatang-binatang yang tidak diperhitungkan pahala mahupun dosa? Menurut al-Baghawī lagi, ayat ini sama seperti ayat 36 surah al-Qiyāmah yang mermaksud, *"Patutkah manusia menyangka, bahawa ia akan ditinggalkan terbiar (dengan tidak diberikan tanggungjawab dan tidak dihidupkan menerima balasan)?"* Padahal, kamu semua diciptakan untuk beribadah dan mendirikan perintah Allah. Dan apakah kamu semua menyangka bahawa kamu tidak dikembalikan pada hari akhirat untuk mendapat pembalasan?[13]

Kedua-dua ayat di atas menyatakan tentang kewujudan *yawm al-ma'ād*. Perkataan *turja'ūn* di dalam ayat adalah sinonim kepada perkataan*'awdan* melalui kata terbitannya iaitu *rujū'an*. Kedua perkataan ini membawa maksud kembali. Malah, di antara nama dan sifat Allah s.w.t juga ialah *al-Mubdi'* dan *al-Mu'īd*, iaitu Allah s.w.t bersifat mengembalikan yang hidup kepada matinya dan mengembalikan yang mati kepada hidupnya.[14]

Mempercayai kewujudan *yawm al-ma'ād* juga adalah merupakan salah satu daripada rukun-rukun islam yang lima. Firman Allah s.w.t:

---

[12] Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qurān al-'Aẓīm*, 5: 501.
[13] Al-Baghawī, *Ma'ālim al-Tanzīl Fī Tafsīr al-Qur'ān*, 3: 337.
[14] Muhammad Idris bin 'Abd al-Rauf al-Marbawi, *Qamus Idris al-Marbawi*, (Kuala Lumpur: Penerbit Dar al-Fikir, t.t.) 2: 49.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا آمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَالْكِتَابِ الَّذِي نَزَّلَ عَلَى رَسُولِهِ وَالْكِتَابِ الَّذِي

أَنْزَلَ مِنْ قَبْلُ وَمَنْ يَكْفُرْ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا بَعِيدًا

(136)

Maksudnya: ”*Wahai orang-orang yang beriman! Tetapkanlah iman kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan kepada Kitab al-Quran yang telah diturunkan kepada Rasul-Nya (Muhammad, S.A.W), dan juga kepada Kitab-kitab Suci yang telah diturunkan dahulu daripada itu. Dan sesiapa yang kufur ingkar kepada Allah, dan Malaikat-malaikat-Nya, dan Kitab-kitab-Nya, dan Rasul-rasul-Nya dan juga Hari Akhirat, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh*.” [al-Nisā’: 136]

Ketika menjawab pertanyaan malaikat Jibril A.S tentang persoalan iman, Nabi Muhammad S.A.W turut menyenaraikan *yawm al-ma’ād* sebagai salah satu daripada rukun iman. Menurut hadith yang diriwayatkan oleh Umar R.A, malaikat Jibril A.S bertanya:

فَأَخْبِرْنِي عَنْ الْإِيمَانِ قَالَ أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَتُؤْمِنَ بِالْقَدَرِ

خَيْرِهِ وَشَرِّهِ..[15]

Maksudnya: ”*Maka khabarkanlah kepadaku tentang iman. Rasulullah S.A.W menjawab: kamu beriman kepada Allah, para malaikatnya, kitab-kitabnya, utusan-utusannya, hari akhirat serta kamu beriman kepada ketentuan baik dan buruknya..”*

Ketibaan *yawm al-ma’ād* adalah pasti. Ia menjelma seusai berlangsungnya peristiwa besar hari kiamat. Sebagaimana peristiwa hari kiamat itu dirahsiakan Allah S.W.T

[15] Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Īmān, Bab Ma’rifah Īmān wa al-Islām wa al-Qadar wa ‘Alāmat al-Sā’ah, no. Hadith 1. Lihat Muslim bin al-Ḥajjāj, *ṢaḥīḥMuslim*, (Riyadh: Dār al-Ṭayyibah, 2006), 1: 23.

kepada kita akan masa dan ketika bila akan berlaku, begitu juga hal keadaannya *yawm al-ma'ād*.

Ketibaan detik kemunculannya juga dirahsiakan Allah S.W.T daripada pengetahuan manusia. Malah, para nabi dan rasul serta para malaikat yang paling hampir dengan Allah S.W.T pun tidak mengetahui dengan tepat bilakah akan berlakunya hari kiamat. Hal ini telah dinyatakan di dalam al-Qur'ān al-Karīm. Firman Allah S.W.T:

يَسْأَلُكَ النَّاسُ عَنِ السَّاعَةِ قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِندَ اللَّهِ وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّ السَّاعَةَ تَكُونُ قَرِيبًا

> Maksudnya: "*Manusia bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang kedatangan hari kiamat. Katakanlah: 'Sesungguhnya pengetahuan mengenainya hanyalah ada di sisi Allah.' Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui? - boleh jadi masa datangnya tidak lama lagi.*"
>
> [al-Aḥzāb: 63]

Kesemua maklumat membuktikan *yawm al-ma'ād* merupakan suatu perkara yang wujud dan berasas pada kaca mata Islam. Mempercayai dengan yakin akan kewujudan *yawm al-ma'ād* adalah merupakan salah satu daripada rukun Islam yang lima. Keimanan terhadap hari akhirat dan segala perkara yang berkaitan dengan hari ini adalah merupakan perkara yang benar dan pasti akan berlaku. Ia termasuk di dalam kepercayaan dan maklumat berkaitan agama yang mesti diketahui.[16] Orang yang tidak mempercayai dengan yakin kepada salah satu daripada rukun-rukun ini dianggap terkeluar daripada agama Islam.

[16] 'Abd al-Raḥmān Ḥabannakah al-Maidānī, *al-'Aqīdah al-Islāmiyyah Wa Ususuhā*, (Damsyiq: Dār al-Qalam, 2002), 537.

## 1.1 Konsep *Yawm al-ma'ād* dan *Sunan al-Sittah*

Dalam memahami subjek kajian, perbahasan dimulakan dengan mengetahui beberapa bahagian penting berkaitan subjek kajian. Kajian bermula dengan mengetahui definisi *yawm al-ma'ād*, mengetahui beberapa sampel nas yang membicarakan tentang *yawm al-ma'ād* bersumberkan daripada hadith-hadith yang dipetik dari karya hadith *Sunan al-Sittah*.

### 1.1.1 Definisi

#### 1.1.1.1 *Yawm al-ma'ād*

*Yawm al-ma'ād* merupakan satu frasa yang terdiri daripada dua suku kata yang terpisah, iaitu perkataan *yawm* dan perkataan *al-ma'ād*. Setiap satu daripada perkataan ini mempunyai makna tersendiri. Apabila kedua-dua perkataan ini digabungkan, satu makna yang lain akan dapat diinterpretasikan.

Perkataan *yawm* bererti hari.[17] Ia juga bermaksud 24 jam, waktu dan siang. Di dalam Bahasa Inggeris, ia disebut sebagai *day* atau *time*.[18] Menurut Ibn al-Jawzī, perkataan *al-yawm* adalah merupakan kata nama yang merujuk kepada tempoh di antara selepas terbitnya matahari hingga terbenamnya matahari. Ahli tafsir menyebutkan bahawa lafaz *al-yawm* di dalam al-Qur'ān mempunyai enam makna yang berbeza antara satu sama lain. Salah satu di antara makna-makna lafaz ini ialah hari kiamat.[19] Firman Allah S.W.T:

---

[17] Al-Marbawi, *Qamus Idris al-Marbawi*, 401.
[18] Rohi Baalbaki, *al-Mawrid*, (Beirut: Dar al-'Ilm Li al-Malāyīn, 1995), 1254.
[19] 'Abd al-Rahman bin Ali bin Muhammad bin al-Jawzī, *Nuzhah al-A'yun al-Nawāẓir Fī 'Ilm al-Wujūh Wa al-Naẓāir*, (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah2000), 313.

فَٱلۡيَوۡمَ لَا تُظۡلَمُ نَفۡسٞ شَيۡـٔٗا وَلَا تُجۡزَوۡنَ إِلَّا مَا كُنتُمۡ تَعۡمَلُونَ ٥٤

> Maksudnya: *"Maka pada hari itu, tidak ada seseorang yang akan dianiaya sedikit pun, dan kamu pula tidak akan dibalas melainkan menurut amal yang kamu telah kerjakan."* [Yāsīn: 54]

Perkataan *al-ma'ād* pula membawa makna tempat kembali atau tempat ambilan.[20] Ia merupakan sama ada *ism al-makān* atau *ism al-zamān* bagi perkataan *'awdan*. Jika *al-ma'ād* ditafsirkan dari sudut situasinya sebagai *ism al-makān*, maka ia bermaksud tempat kepulangan atau tempat untuk kembali. Jika *al-ma'ād* ditafsirkan dari sudut situasinya sebagai *ism al-zamān*, maka ia bermaksud masa untuk pulang atau masa untuk kembali. Jika merujuk makna yang dikemukakan oleh Hj. Ishak bin Hj. Abas bagi perkataan *al-ma'ād*, beliau memberi makna perkataan tersebut dari sudut ia sebagai *ism al-makān*.

Dr. al-Syeikh Haji Muhammad Idris bin 'Abd al-Raūf al-Marbawī di dalam kamusnya menyatakan bahawa perkataan *al-ma'ād* membawa kepada empat makna berbeza. Perkataan *ma'ād* boleh diertikan dengan makna *masīr*, *ākhirah*, *jannah* dan *hajj*. Perkataan *masīr* bererti tempat kembali. Perkataan *ākhirah* bererti akhirat. Perkataan *jannah* bereti syurga dan perkataan pula *hajj* bererti haji.[21] Dari beberapa makna yang didatangkan oleh Idrīs al-Marbawī ini, tiga makna pertama menepati konteks *yawm al-ma'ād* yang dikaji.

Menurut kamus al-Mawrid, perkataan *ma'ād* juga disinonimkan dengan perkataan *rujū'* atau *raj'ah*. *Al-ma'ād* bererti *al-ākhirah*. Di dalam Bahasa Inggeris pula, *al-ma'ād* membawa maksud *the hereafter* atau *the afterworld*.[22] Perkataan *'awdah*, *rujū'*, *raj'ah*

---

[20] Ishak bin Hj. Abas, *Qāmūs al-Jadīd*, (Kuala Lumpur: Penerbitan Seri Kota, 2002), 203.
[21] Al-Marbawi, *Qamus Idris al-Marbawi*, 49.
[22] Rohi Baalbaki, *al-Mawrid*, 1064.

pula bererti *returning, coming back, going back; reversion; recurrence* atau *reoccurence*.[23]

Jika digabungkan kedua-dua perkataan *yawm* dan *al-ma'ād* ini menjadi satu frasa, dari sudut makna bahasanya, *yawm al-ma'ād* bererti hari menuju tempat kembali atau hari menuju tempat pulang. Agar ia mudah untuk difahami, *yawm al-ma'ād* dapat difahami sebagai hari dan detik ketika manusia akan kembali kepada kepada Allah S.W.T atau hari kepulangan manusia ke dunia yang kekal abadi, iaitu hari akhirat.

Apabila diselusuri ayat-ayat al-Qur'ān melalui pencarian menggunakan kamus al-Qur'ān dan perisian komputer *Maktabah al-Syāmilah*, penulis mendapati bahawa tiada ayat mahupun kalimah di dalam al-Qur'ān yang secara khusus menggunakan lafaz *yawm al-ma'ād*.

Namun, terdapat satu ayat di dalam al-Qur'ān yang menggunakan lafaz *al-ma'ād* secara tunggal tanpa disertakan lafaz *yawm* di pangkalnya. Lafaz ini terdapat hanya pada satu tempat sahaja di dalam al-Qur'an, iaitu pada ayat ke 85 surah al-Qaṣaṣ. Firman Allah:

إِنَّ الَّذِي فَرَضَ عَلَيْكَ الْقُرْآنَ لَرَادُّكَ إِلَى مَعَادٍ قُلْ رَبِّي أَعْلَمُ مَنْ جَاءَ بِالْهُدَى وَمَنْ هُوَ فِي ضَلالٍ مُبِينٍ (85)

> Maksudnya: *"Sesungguhnya Allah Yang mewajibkan kepadamu (Wahai Muhammad untuk beramal dan menyampaikan) al-Quran, sudah tentu akan menyampaikan engkau kepada apa yang engkau ingini dan cintai. Katakanlah (kepada kaum yang menentangmu): 'Tuhanku amat mengetahui siapa yang membawa hidayah petunjuk dan siapa pula yang berada dalam kesesatan yang nyata."* [al-Qaṣaṣ:85]

[23] *Ibid.*, 786.

Menurut pendapat Imam al-Ḥāfiẓ Ibn Kathīr di dalam tafsirnya, lafaz ( مَعَادٍ ) merujuk kepada hari kiamat. Beliau juga turut menukilkan beberapa pendapat tokoh ahli tafsir lain seperti Ibn ‘Abbās. Berkenaan dengan lafaz ini, Ibn ‘Abbās mempunyai variasi tafsiran dengan kepelbagaian riwayat.

Melalui riwayat Imam Malik daripada al-Zuhri, Ibn ‘Abbas berpendapat bahawa lafaz ( مَعَادٍ ) merujuk kepada hari kiamat. Menurut riwayat al-Suddī daripada Abī Ṣāliḥ pula, Ibn ‘Abbās berpendapat bahawa lafaz ( مَعَادٍ ) merujuk kepada syurga. Menurut riwayat al-Thawrī daripada al-A’masy daripada Sa’ad bin Jubair pula, Ibn ‘Abbās berpendapat bahawa lafaz ( مَعَادٍ ) merujuk kepada kematian.

Imam al-Bukhārī menukilkan pendapat Ibn ‘Abbās di dalam kitab sahihnya bahawa lafaz ( مَعَادٍ ) merujuk kepada Kota Makkah. Adapun pendapat terakhir yang dinukilkan oleh Ibn Kathīr ialah pandangan daripada Ibn Abī Ḥātim dengan sanadnya daripada Na’īm al-Qārī’. Beliau berpendapat bahawa lafaz ( مَعَادٍ ) merujuk kepada Kota Bayt al-Maqdis.[24]

Walaupun terdapat percanggahan pendapat dalam menetapkan makna sebenar lafaz ( مَعَادٍ ) menerusi ayat di atas, tetapi kebanyakan ahli tafsir mentafsirkan lafaz ini dengan merujuk kepada makna kembali atau pulang.

Jika lafaz tersebut ditafsirkan dengan kematian, maka ia merupakan langkah pertama menuju ke jalan pulang. Jika lafaz tersebut ditafsirkan dengan hari kiamat, maka hari

[24] Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qurān al-‘Aẓīm*, 6: 259.

kiamat adalah merupakan permulaan bagi alam yang menjadi destinasi kepulangan. Jika lafaz tersebut ditafsirkan dengan syurga, maka syurga adalah destinasi ulang bagi orang-orang yang beriman.

Secara kesimpulannya, bahawa lafaz ( مَعَادٍ ) di dalam ayat di atas, secara umumnya semuanya membawa kepada makna kembali atau pulang. Dalam konteks perjalanan kehidupan manusia di atas muka bumi ini, destinasi terakhir dan tempat kembalinya adalah alam akhirat yang merupakan tempat kembali yang kekal abadi.

### 1.1.2 *Yawm al-ma'ād* di dalam *Sunan al-Sittah*

Pada bahagian ini, penulis akan menyenaraikan sebuah hadith yang dipetik daripada sebuah karya hadith *Sunan al-Sittah* sebagai sampel. Hal yang demikian adalah demi menghadkan skop kajian, lantaran banyaknya karya hadith dan masalah pengklafikasian status hadith. Justeru, dengan menetapkan karya hadith *Sunan al-Sittah* sebagai fokus skop kajian akan memudahkan dan memendekkan lagi tempoh kajian.

Di samping menyenaraikan sebuah hadith sampel, penulis juga akan menyenaraikan bab dan tajuk perbincangan yang dihidangkan setiap pengarang karya *Sunan al-Sittah* berkaitan *yawm al-ma'ād* dalam karya mereka.

#### 1.1.2.1 *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*

Imam al-Bukhārī telah meriwayatkan banyak hadith berkaitan *yawm al-ma'ād* di dalam karya *al-Ṣaḥīḥ*. Penulis mendapati, Imam al-Bukhārī tidak menghimpunkan hadith-hadith *yawm al-ma'ād* tersebut dalam satu bab yang sama. Sebaliknya, beliau

meriwayatkan sejumlah 77 hadith berkaitan *yawm al-ma’ād* di dalam pelbagai bab yang berasingan.

Kadangkala, Imam al-Bukhārī meriwayatkan hadith *yawm al-ma’ād* di dalam bab yang bukan berkaitan dengan topik *yawm al-ma’ād*, tetapi topik yang lebih hampir dengan maksud hadith.

Dalam masa yang sama, Imam al-Bukhārī turut memuatkan berapa bab khusus berkaitan *yawm al-ma’ād* di dalam karya *al-Ṣaḥīḥ*. Antara bab-bab tersebut adalah seperti berikut:

a) Bab *Nafkh al-Ṣūr*, iaitu bab ke-43 dalam *Kitāb al-Riqāq*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak dua buah hadith yang bernombor 6517[25] dan 6518[26].
b) Bab *Yaqbiḍ Allāh al-Arḍ Yawm al-Qiyāmah*, iaitu bab ke-44 dalam *Kitāb al-Riqāq*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak tiga buah hadith yang bernombor 6519[27], 6520[28] dan 6521[29].
c) Bab *Kayf al-Ḥasyr*, iaitu bab ke-45 dalam *Kitāb al-Riqāq*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak lapan buah hadith yang bernombor 6522[30], 6523[31], 6524[32], 6525[33], 6526[34], 6527[35], 6528[36] dan 6529[37].

[25] Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 902.
[26] *Ibid.*
[27] *Ibid.*
[28] *Ibid.*
[29] *Ibid.*
[30] *Ibid.*
[31] *Ibid.*, 902-903.
[32] *Ibid.*, 903.
[33] *Ibid.*
[34] *Ibid.*
[35] *Ibid.*
[36] *Ibid.*
[37] *Ibid.*

d) *Bāb Qawl Allāh Ta'ālā* ( أَلَا يَظُنُّ أُولَئِكَ ) , iaitu bab ke-47 dalam *Kitāb al-Riqāq*.

Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak dua buah hadith yang bernombor 6531[38] dan 6532[39].

e) Bab *Al-Qiṣāṣ Yawm al-Qiyāmah,* iaitu bab ke-48 dalam *Kitāb al-Riqāq*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak tiga buah hadith yang bernombor 6533[40], 6534[41] dan 6535[42].

f) Bab *Man Nūqisya al-Ḥisāb 'Udhdhiba,* iaitu bab ke-49 dalam *Kitāb al-Riqāq*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak lima buah hadith yang bernombor 6536[43], 6537[44], 6538[45], 6539[46] dan 6540[47].

g) Bab *Yadkhulu Sab'ūna Alf Bi Ghayr Ḥisāb*, iaitu bab ke-50 dalam *Kitāb al-Riqāq*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak lima buah hadith yang bernombor 6541[48], 6542[49], 6543[50], 6544[51] dan 6545[52].

h) Bab *Ṣifat al-Jannah Wa al-Nār,* iaitu bab ke-51 dalam *Kitāb al-Riqāq*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak 28 buah hadith yang bernombor 6546[53], 6547[54], 6548[55], 6549[56], 6550[57], 6551[58], 6552[59], 6553[60], 6554[61], 6555[62],

---

[38] *Ibid.*, 904.
[39] *Ibid.*
[40] *Ibid.*
[41] *Ibid.*
[42] *Ibid.*
[43] *Ibid.*
[44] *Ibid.*
[45] *Ibid.*
[46] *Ibid.*, 904-905.
[47] *Ibid.*, 905.
[48] *Ibid.*
[49] *Ibid.*
[50] *Ibid.*
[51] *Ibid.*
[52] *Ibid.*
[53] *Ibid.*
[54] *Ibid.*
[55] *Ibid.*, 905-906.
[56] *Ibid.*, 906.
[57] *Ibid.*
[58] *Ibid.*
[59] *Ibid.*
[60] *Ibid.*
[61] *Ibid.*

6556[63], 6557[64], 6558[65], 6559[66], 6560[67], 6561[68], 6562[69], 6563[70], 6564[71], 6565[72], 6546[73], 6566[74], 6567[75], 6568[76], 6569[77], 6570[78], 6571[79] dan 6572[80].

i) Bab *Al-Ṣirāṭ Jisr Jahannam*, iaitu bab ke-52 dalam *Kitāb al-Riqāq*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak dua buah hadith yang bernombor 6573[81] dan 6574[82].

j) Bab *Fī al-Ḥawḍ*, iaitu bab ke-53 dalam *Kitāb al-Riqāq*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak 19 buah hadith yang bernombor 6575[83], 6576[84], 6577[85], 6578[86], 6579[87], 6580[88], 6581[89], 6582[90], 6583[91], 6584[92], 6585[93], 6586[94], 6587[95], 6588[96], 6589[97], 6590[98], 6591[99], 6592[100], dan 6593[101].

---

62 *Ibid.*
63 *Ibid.*
64 *Ibid.*
65 *Ibid.*
66 *Ibid.*
67 *Ibid.*, 907.
68 *Ibid.*
69 *Ibid.*
70 *Ibid.*
71 *Ibid.*
72 *Ibid.*
73 *Ibid.*
74 *Ibid.*
75 *Ibid.*
76 *Ibid.*
77 *Ibid.*, 907-908.
78 *Ibid.*, 908.
79 *Ibid.*
80 *Ibid.*
81 *Ibid.*, 908-909.
82 *Ibid.*, 909.
83 *Ibid.*
84 *Ibid.*
85 *Ibid.*
86 *Ibid.*
87 *Ibid.*
88 *Ibid.*
89 *Ibid.*
90 *Ibid.*
91 *Ibid.*
92 *Ibid.*
93 *Ibid.*, 910.
94 *Ibid.*
95 *Ibid.*
96 *Ibid.*
97 *Ibid.*
98 *Ibid.*
99 *Ibid.*
100 *Ibid.*

Sebagai contoh, antara hadith berkaitan *yawm al-ma'ād* yang Imam al-Bukhārī sebutkan di dalam *al-Ṣaḥīḥ*, sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Nu'mān bahawa Rasulullah s.a.w telah berdabda:

إِنَّ أَهْوَنَ أَهْلِ النَّارِ عَذَابًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ لَرَجُلٌ تُوضَعُ فِي أَخْمَصِ قَدَمَيْهِ جَمْرَةٌ يَغْلِي مِنْهَا دِمَاغُهُ.[102]

Maksudnya: *"Penghuni neraka yang paling ringan siksanya adalah seseorang yang dipakaikan sandal pada kedua-dua belah kakinya, lalu menyebabkan otaknya menggelegak."*

#### 1.1.2.2 *Ṣaḥīḥ Muslim*

Imam Muslim teleh meriwayatkan dua bab khusus berkaitan *yawm al-ma'ād* di dalam karya *al-Ṣaḥīḥ*, seperti berikut:

a) Kitab *Ṣifat al-Qiyāmah Wa al-Jannah Wa al-Nār*[103]. Di dalam kitab ini, Imam Muslim menyenaraikan sebanyak 20 bab kecil yang mengandungi sebanyak 15 buah hadith. Namun, tidak semua bab-bab kecil ini membicarakan tentang *yawm al-ma'ād*. Sebanyak 8 bab kecil yang memuatkan hadith *yawm al-ma'ād* adalah seperti berikut:

   I. Satu mukadimah bab bagi *Kitāb Ṣifat al-Qiyāmah Wa al-Jannah Wa al-Nār*. Tiada sebarang tajuk dinyatakan, sebaliknya pengarang terus menyenaraikan hadith. Di dalam bahagian ini, Imam Muslim telah

[101] *Ibid.*
[102] Hadith riwayat al-Bukhārī, Bab *Ṣifat al-Jannah Wa al-Nār,* no. Hadith 6561. Lihat *Ṣaḥīḥ* al-Bukhārī, 907.
[103] Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, 1284.

menyenaraikan sebanyak empat buah hadith yang bernombor 2785[104], 2786[105], 2787[106], dan 2788[107].

II. Bab *Fī al-Ba'th Wa al-Nusyūr Wa Ṣifat al-Arḍ Yawm al-Qiyāmah*, iaitu bab kedua dalam *Kitāb Ṣifat al-Qiyāmah Wa al-Jannah Wa al-Nār*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak dua buah hadith yang bernombor 2790[108] dan 2791[109].

III. Bab *Fī Nazala Ahl al-Jannah*, iaitu bab ketiga dalam *Kitāb Ṣifat al-Qiyāmah Wa al-Jannah Wa al-Nār*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak dua buah hadith yang bernombor 2792[110] dan 2793[111].

IV. Bab *Ṭalab al-Kāfir al-Fidā' Bi Mil'u al-Arḍ Dhahab*, iaitu bab ke-10 dalam *Kitāb Ṣifat al-Qiyāmah Wa al-Jannah Wa al-Nār*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak sebuah hadith sahaja yang bernombor 2805[112].

V. Bab *Yuhsyar al-Kāfir 'Alā Wajhih*, iaitu bab ke-11 dalam *Kitāb Ṣifat al-Qiyāmah Wa al-Jannah Wa al-Nār*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak sebuah hadith sahaja yang bernombor 2806[113].

VI. Bab *Subigha An'am Ahl al-Dunyā Fi al-Nār,* iaitu bab ke-12 dalam *Kitāb Ṣifat al-Qiyāmah Wa al-Jannah Wa al-Nār*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak sebuah hadith sahaja yang bernombor 2807[114].

---

104 *Ibid.*
105 *Ibid.*
106 *Ibid.*, 1284.
107 *Ibid.*
108 *Ibid.*, 1285-1286.
109 *Ibid.*, 1286.
110 *Ibid.*
111 *Ibid.*
112 *Ibid.*, 1291.
113 *Ibid.*
114 *Ibid.*, 1291-1292.

VII. Bab *Jazā' al-Mu'min Bi Hasanātihi Fi al-Dunyā Wa al-Ākhirah Wa Ta'jīl Hasanāt al-Kāfir Fi al-Dunyā*, iaitu bab ke-13 dalam *Kitāb Ṣifat al-Qiyāmah Wa al-Jannah Wa al-Nār*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak sebuah hadith sahaja yang bernombor 2808[115].

VIII. Bab *Lan Yadkhul Aḥad al-Jannah Bi 'Amalihi, Bal Bi Raḥmah Allāhi Ta'ālā*, iaitu bab ke-17 dalam *Kiṭab Sifat al-Qiyamah Wa al-Jannah Wa al-Nar*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak tiga buah hadith sahaja yang bernombor 2816[116], 2817[117] dan 2818[118].

b) Kitab *Al-Jannah Wa Ṣifat Na'īmihā Wa Ahlihā*[119]. Di dalam bab ini pula, Imam Muslim menyenaraikan sebanyak 50 buah hadith di dalam 15 bab kecil. Bab-bab kecil yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

I. Satu mukaddimah bab bagi *Kitāb Al-Jannah Wa Ṣifat Na'īmihā Wa Ahlihā*. Tiada sebarang tajuk dinyatakan, sebaliknya pengarang terus menyenaraikan hadith. Di dalam bahagian ini, Imam Muslim telah menyenaraikan sebanyak empat buah hadith yang bernombor 2822[120], 2823[121], 2824[122], dan 2825[123].

II. Bab *Inna Fī al-Jannah Syajarah, Yasīru al-Rākib Fī Ẓillihā Mi'ah 'Ām, Lā Yaqṭa'uhā*, iaitu bab pertama dalam *Kitāb al-Jannah Wa Ṣifat Na'īmihā Wa Ahlihā*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak tiga buah hadith yang bernombor 2826[124], 2827[125] dan 2828[126].

---

115 *Ibid*., 1292.
116 *Ibid*., 1295.
117 *Ibid*., 1296.
118 *Ibid*.
119 *Ibid*., 1298.
120 *Ibid*.
121 *Ibid*.
122 *Ibid*.
123 *Ibid*.
124 *Ibid*., 1298-1299.
125 *Ibid*., 1299.
126 *Ibid*.

III. Bab *Fī Sūq al-Jannah, Wa Mā Yanālūn Fīhā Min al-Na'īm Wa al-Jamāl*, iaitu bab kelima dalam *Kitāb al-Jannah Wa Ṣifat Na'īmihā Wa Ahlihā*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak sebuah hadith sahaja yang bernombor 2833[127].

IV. Bab *Awwal al-Ramzah Tadkhul al-Jannah 'Alā Ṣurah al-Qamar Laylah al-Badr, Wa Ṣifātihim Wa Azwājihim*, iaitu bab keenam dalam *Kitāb al-Jannah Wa Ṣifat Na'īmihā Wa Ahlihā*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak sebuah hadith yang bernombor 2834[128].

V. Bab *Fī Ṣifāt al-Jannah Wa Ahlihā, Wa Tasbīḥihim Fīhā Bukrah Wa 'Asyiyya*, iaitu bab ketujuh dalam *Kitāb al-Jannah Wa Ṣifat Na'īmihā Wa Ahlihā*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak sebuah hadith yang bernombor 2835[129].

VI. Bab *Fī Dawām Na'īm Ahl al-Jannah*, iaitu bab kelapan dalam *Kitāb al-Jannah Wa Ṣifat Na'īmihā Wa Ahlihā*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak dua buah hadith yang bernombor 2836[130], dan 2837[131].

VII. Bab *Fī Ṣifāt Khiyām al-Jannah, Wamā Li al-Mu'minīn Fīhā Min al-Ahlayn*, iaitu bab kesembilan dalam *Kitāb al-Jannah Wa Ṣifat Na'īmihā Wa Ahlihā*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak sebuah hadith yang bernombor 2838[132].

VIII. Bab *Yadkhul al-Jannah Aqwām, Af'idatuhum Mithl Af'idah al-Ṭayr*, iaitu bab ke-11 dalam *Kitāb al-Jannah Wa Ṣifat Na'īmihā Wa Ahlihā*. Di

[127] *Ibid.*, 1300.
[128] *Ibid.*
[129] *Ibid.* , 1301.
[130] *Ibid.*, 1302.
[131] *Ibid.*
[132] *Ibid.*

dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak dua buah hadith yang bernombor 2840[133] dan 2841[134].

IX. Bab *Fī Syiddah Ḥar Nār Jahannam, Wa Ba'd Qar'ihā, Wamā Ta'khudh Min al-Mu'adhdhibin*, iaitu bab ke-12 dalam *Kitāb al-Jannah Wa Ṣifat Na'īmihā Wa Ahlihā*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak empat buah hadith yang bernombor 2842[135], 2843[136], 2844[137] dan 2845[138].

X. Bab *al-Nār Yadkhuluhā al-Jabbārūn, Wa al-Jannah Yadkhuluhā al-Ḍu'afā'*, iaitu bab ke-13 dalam *Kitāb al-Jannah Wa Ṣifat Na'īmihā Wa Ahlihā*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak 12 buah hadith yang bernombor 2846[139], 2847[140], 2848[141], 2849[142], 2850[143], 2851[144], 2852[145], 2853[146], 2854[147], 2855[148], 2856[149] dan 2857[150].

XI. Bab *Fanā' al-Dunyā, Wa Bayān al-Ḥasyr Yawm al-Qiyāmah*, iaitu bab ke-14 dalam *Kitāb al-Jannah Wa Ṣifat Na'īmihā Wa Ahlihā*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak empat buah hadith yang bernombor 2858[151], 2859[152], 2860[153], dan 2861[154].

---

133 *Ibid.*, 1303.
134 *Ibid.*
135 *Ibid.*
136 *Ibid.*, 1304.
137 *Ibid.*
138 *Ibid.*
139 *Ibid.*
140 *Ibid.*, 1305.
141 *Ibid.*
142 *Ibid.*, 1306.
143 *Ibid.*
144 *Ibid.*, 1307.
145 *Ibid.*
146 *Ibid.*
147 *Ibid.*
148 *Ibid.*
149 *Ibid.*
150 *Ibid.*, 1308.
151 *Ibid.*
152 *Ibid.*, 1309.
153 *Ibid.*
154 *Ibid.*

XII. Bab *Fī Ṣifat Yawm al-Qiyāmah, A'ān Allāh 'Alā Ahwālihā*, iaitu bab ke-15 dalam *Kitāb al-Jannah Wa Ṣifat Na'īmihā Wa Ahlihā*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak tiga buah hadith yang bernombor 2862[155], 2863[156], dan 2864[157].

XIII. Bab *Fī Ṣifat Yawm al-Qiyāmah, A'ān Allāh 'Alā Ahwālihā*, iaitu bab ke-15 dalam *Kitāb al-Jannah Wa Ṣifat Na'īmihā Wa Ahlihā*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak sebuah hadith yang bernombor 2865[158].

XIV. Bab *'Araḍ Maq'ad al-Mayyit Min al-Jannah Aw al-Nār 'Alayh, Wa Ithbāt 'Adhāb al-Qabr, Wa al-Ta'awwudh Minh*, iaitu bab ke-17 dalam *Kitāb al-Jannah Wa Ṣifat Na'īmihā Wa Ahlihā*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak sepuluh buah hadith yang bernombor 2866[159], 2867[160], 2868[161], 2869[162], 2870[163], 2871[164], 2872[165], 2873[166], 2874[167], dan 2875[168].

XV. Bab *Ithbat al-Hisab*, iaitu bab ke-18 dalam *Kitāb al-Jannah Wa Ṣifat Na'īmihā Wa Ahlihā*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak sebuah hadith yang bernombor 2876[169].

---

155 *Ibid.*, 1310.
156 *Ibid.*
157 *Ibid.*
158 *Ibid.*, 1310-1311.
159 *Ibid.*, 1312.
160 *Ibid.*
161 *Ibid.*
162 *Ibid.*, 1313.
163 *Ibid.*
164 *Ibid.*, 1313-1314.
165 *Ibid.*, 1314.
166 *Ibid.*
167 *Ibid.*, 1314-1315.
168 *Ibid.*, 1315.
169 *Ibid.*

Antara contoh hadith berkaitan *yawm al-ma'ād* yang Imam Muslim sebutkan di dalam *al-Ṣaḥīḥ*, sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A, bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

إِنَّ فِي الْجَنَّةِ لَشَجَرَةً يَسِيرُ الرَّاكِبُ فِي ظِلِّهَا مِائَةَ سَنَةٍ.[170]

> Maksudnya: *"Sesungguhnya di dalam syurga ada pepohonan yang andai seorang berjalan di bawah naungannya akan mengambil masa selama seratus tahun."*

### 1.1.2.3 *Al-Jāmi' al-Timidhī*

Imam al-Tirmidhī pula meriwayatkan tiga bab khusus berkaitan *yawm al-ma'ād* di dalam karya *al- Jāmi'*, seperti berikut:

a) *Abwāb Ṣifat al-Qiyāmah Wa al-Raqā'iq Wa al-War' 'An Rasūlullāh*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak 9 bab kecil yang diberikan tajuk tertentu seperti berikut:

   I. Bab *Fī al-Qiyāmah*, iaitu bab pertama di dalam *Abwāb Ṣifat al-Qiyāmah Wa al-Raqā'iq Wa al-War' 'An Rasūlullāh*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak tiga buah hadith yang bernombor 2415[171], 2416[172], dan 2417[173].

   II. Bab *Mā Jā'a Fī Sya'n al-Ḥisāb Wa al-Qiṣāṣ*, iaitu bab kedua di dalam *Abwāb Ṣifat al-Qiyāmah Wa al-Raqā'iq Wa al-War' 'An Rasūlullāh*. Di

---

[170] Hadith riwayat Muslim, Bab *al-Jannah Wa Ṣifat Na'īmihā Wa Ahlihā*, no. hadith 2826. Lihat *Ṣaḥīḥ Muslim*, 1298-1299.
[171] Al-Tirmidhī, *al-Jāmi' al-Kabīr*, (Beirūt: Dār al-Gharb al-Islāmī ,1996), 4: 215-216. Menurut al-Tirmidhī, hadith ini berstatus *ḥasan ṣaḥīḥ*.
[172] *Ibid.*, 216. Menurut al-Tirmidhī, hadith ini berstatus *gharīb*.
[173] *Ibid.*, 217. Menurut al-Tirmidhī, hadith ini berstatus *ḥasan ṣaḥīḥ*.

dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak lima buah hadith yang bernombor 2418[174], 2419[175], 2420[176], 2421[177] dan 2422[178].

III. Bab *Mā Jā'a Fī Sya'n al-Ḥasyr*, iaitu bab ketiga di dalam *Abwāb Ṣifat al-Qiyāmah Wa al-Raqā'iq Wa al-War' 'An Rasūlullāh*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak dua buah hadith yang bernombor 2423[179] dan 2424[180].

IV. Bab *Mā Jā'a Fī al-'Arḍ*, iaitu bab keempat di dalam *Abwāb Ṣifat al-Qiyāmah Wa al-Raqā'iq Wa al-War' 'An Rasūlullāh*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebuah hadith sahaja yang bernombor 2425[181].

V. Bab *Mā Jā'a Fī Sya'n al-Ṣūr*, iaitu bab kelapan di dalam *Abwāb Ṣifat al-Qiyāmah Wa al-Raqā'iq Wa al-War' 'An Rasūlullāh*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak dua buah hadith yang bernombor, 2430[182] dan 2431[183].

VI. Bab *Mā Jā'a Fī Sya'n al-Ṣirāṭ*, iaitu bab kesembilan di dalam *Abwāb Ṣifat al-Qiyāmah Wa al-Raqā'iq Wa al-War' 'An Rasūlullāh*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebanyak dua buah hadith yang bernombor 2432[184] dan 2433[185].

---

[174] *Ibid.*, 217-218. Menurut al-Tirmidhī, hadith ini berstatus *ḥasan ṣaḥīḥ*.
[175] *Ibid.*. Menurut al-Tirmidhī, hadith ini berstatus *ḥasan ṣaḥīḥ*.
[176] *Ibid.*, 219. Menurut al-Tirmidhī, hadith ini berstatus *ḥasan ṣaḥīḥ*.
[177] *Ibid.*, 219-220. Menurut al-Tirmidhī, hadith ini berstatus *ḥasan ṣaḥīḥ*.
[178] *Ibid.*, 220. Menurut al-Tirmidhī, hadith ini berstatus *ḥasan ṣaḥīḥ*.
[179] *Ibid.*, 220-221. Menurut al-Tirmidhī, hadith ini berstatus *ḥasan ṣaḥīḥ*.
[180] *Ibid.*, 222. Menurut al-Tirmidhī, hadith ini berstatus *ḥasan*.
[181] *Ibid.*,. Menurut al-Tirmidhī, hadith ini tidak sah kerana salah seorang perriwayatnya, iaitu al-Hasan tidak mendengarnya daripada Abu Hurairah.
[182] *Ibid.*, 226. Menurut al-Tirmidhī, hadith ini berstatus *ḥasan*.
[183] *Ibid.*, 226-227. Menurut al-Tirmidhī, hadith ini berstatus *ḥasan*.
[184] *Ibid.*, 227-228. Menurut al-Tirmidhī, hadith ini berstatus *gharīb*.
[185] *Ibid.*, 228. Menurut al-Tirmidhī, hadith ini berstatus *ḥasan gharīb*.

VII. Bab *Mā Jā'a Fī al-Syafā'ah*, iaitu bab ke-10 di dalam *Abwāb Ṣifat al-Qiyāmah Wa al-Raqā'iq Wa al-War' 'An Rasūlullāh*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebuah hadith yang bernombor 2434[186].

VIII. Bab *Mā Jā'a Fī Ṣifat al-Ḥawḍ*, iaitu bab ke-14 di dalam *Abwāb Ṣifat al-Qiyāmah Wa al-Raqā'iq Wa al-War' 'An Rasūlullāh*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan dua buah hadith yang bernombor 2442[187] dan 2443[188].

IX. Bab *Mā Jā'a Fī Ṣifat Awānī al-Ḥawḍ*, iaitu bab ke-15 di dalam *Abwāb Ṣifat al-Qiyāmah Wa al-Raqā'iq Wa al-War' 'An Rasūlullāh*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan dua buah hadith yang bernombor 2445[189] dan 2446[190].

b) *Abwāb Ṣifat al-Jannah 'An Rasūlullāh*. Di dalam bab ini pula, Imam al-Tirmidhī menyenaraikan sebanyak 20 bab kecil yang mengandungi sebanyak 35 buah hadith.

I. Bab *Mā Jā'a Fī Ṣifat Syajar al-Jannah*, iaitu bab pertama di dalam *Abwāb Ṣifat al-Jannah 'An Rasūlullāh*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan tiga buah hadith yang bernombor 2523[191], 2524[192] dan 2525[193].

[186] *Ibid.*, 228-230. Menurut al-Tirmidhī, hadith ini berstatus *ḥasan ṣaḥīḥ*.
[187] *Ibid.*, 235. Menurut al-Tirmidhī, hadith ini berstatus *ḥasan ṣaḥīḥ gharīb*.
[188] *Ibid.*, 236. Menurut al-Tirmidhī, hadith ini berstatus *gharīb*.
[189] *Ibid.*, 236-237. Menurut al-Tirmidhī, hadith ini berstatus *gharīb*.
[190] *Ibid.*, 237. Menurut al-Tirmidhī, hadith ini berstatus *ḥasan ṣaḥīḥ*.
[191] *Ibid.*, 291-292. Menurut al-Tirmidhī, hadith ini berstatus *ṣaḥīḥ*.
[192] *Ibid.*, 292. Al-Tirmidhī tidak memberikan status hadith ini. Namun, menurut pentahqiq karya ini, iaitu Basyyār 'Awwāḍ Ma'rūf, isnad hadith ini berstatus *ḍaīf,* lantaran kelemahan salah seorang periwayatnya, iaitu 'Atiyyah al-'Awfi.
[193] *Ibid.*, 292. Menurut al-Tirmidhī, hadith ini berstatus *ḥasan gharīb*.

II. Bab *Mā Jā'a Fī Ṣifat al-Jannah Wa Na'īmihā*, iaitu bab kedua di dalam *Abwāb Ṣifat al-Jannah 'An Rasūlullāh*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebuah hadith yang bernombor 2526[194].

III. Bab *Mā Jā'a Fī Ṣifat Ghuraf al-Jannah,* iaitu bab ketiga di dalam *Abwāb Ṣifat al-Jannah 'An Rasūlullāh*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan dua buah hadith yang bernombor, 2527[195] dan 2528[196].

IV. Bab *Mā Jā'a Fī Ṣifat Darajāt al-Jannah*, iaitu bab keempat di dalam *Abwāb Ṣifat al-Jannah 'An Rasūlullāh*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan empat buah hadith yang bernombor 2529[197], 2530[198], 2531[199] dan 2532[200].

V. Bab *Mā Jā'a Fī Ṣifat Nisā' Ahl al-Jannah*, iaitu bab kelima di dalam *Abwāb Ṣifat al-Jannah 'An Rasūlullāh*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan dua buah hadith yang bernombor 2533[201] dan 2535[202].

VI. Bab *Mā Jā'a Fī Ṣifat Jimā' Ahl al-Jannah*, iaitu bab keenam di dalam *Abwāb Ṣifat al-Jannah 'An Rasūlullāh*. Di dalam bab ini, beliau telah menyenaraikan sebuah hadith yang bernombor 2536[203].

